

22.11.2019

## SIARAN MEDIA

### DUA PENGIKTIRAFAN BARU “PEJABAT HIJAU PULAU PINANG” UNTUK PBAPP

PULAU PINANG, Jumaat, 22.11.2019: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menerima dua pensijilan “Pejabat Hijau Pulau Pinang” (PGO) baru dari Penang Green Council (PGC).

Dua pensijilan PGO yang baru, meliputi tempoh 2019 – 2021, adalah kepada:

- Aras 33 Komtar (merangkumi Pejabat Ketua Pegawai Kewangan, Jabatan Kewangan dan Jabatan Kualiti, Keselamatan & Kesihatan); dan
- Unit Khidmat Pelanggan Jawi di Seberang Perai Selatan.

Oleh itu, PBAPP kini memegang 9 pengiktirafan PGO. Sebelum ini, pengiktirafan PGO telah diberikan kepada 7 premis PBAPP berikut:

- Unit Khidmat Pelanggan Bayan Baru;
- Unit Khidmat Pelanggan Komtar;
- Unit Khidmat Pelanggan Taman Selat;
- Unit Khidmat Pelanggan Bukit Mertajam;
- Makmal Pusat, Loji Rawatan Air Sungai Dua;
- Pejabat Divisyen Hal Ehwal Korporat, Aras 32 Komtar; dan
- Pejabat Divisyen Sumber Manusia, Aras 32 Komtar.

Pengiktirafan PGO mengambil kira kriteria berikut: prinsip hijau dalam pembelian peralatan pejabat dan alat tulis; pengurangan sampah dan kitar semula; pemuliharaan tenaga; pemuliharaan air; kawalan penggunaan kertas; kawalan penggunaan peralatan pejabat; penambahbaikan kualiti udara dalaman; dan penglibatan pekerja & komuniti.

Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd, mengucapkan terima kasih kepada PGC untuk pengiktirafan PGO terkini.

“PBAPP adalah syarikat yang mendapat pensijilan ISO 14001: 2015 yang komited sepenuhnya ke arah melindungi, memelihara dan memulihara alam sekitar dalam memenuhi semua keperluan bekalan air Pulau Pinang,” katanya.

Dato’ Ir. Jaseni berkata PBAPP juga mempromosikan pemuliharaan air untuk memastikan kelestarian dalam pengurusan bekalan air. “Salah satu tujuan kami adalah untuk mengurangkan penggunaan air domestik per kapita di Pulau Pinang. Di samping mengurangkan risiko krisis air pada masa akan datang, pemuliharaan air juga mengurangkan pelepasan air sisa.”

“Inisiatif hijau” utama yang dilaksanakan oleh Kumpulan PBA termasuk:

- Menguruskan Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang sebagai kawasan rekreasi hijau awam;
- Memupuk kesedaran air awam, pendidikan air dan pemuliharaan air di Pulau Pinang;
- Menggalakkan pemasangan peranti penjimatan air (WSD) di semua premis di Pulau Pinang;
- Berusaha mengkomersialkan projek R&D untuk mengitar semula sisa loji rawatan air sebagai bata tanah liat; dan
- Menggalakkan Kerajaan Persekutuan untuk memulihara dan melindungi sepenuhnya 163,103 hektar hutan hujan di Ulu Muda, Kedah, sebagai kawasan tadahan air NCER.

“Kami menyokong sepenuhnya Visi 2030 Pulau Pinang untuk menjadi negeri berorientasikan kekeluargaan, hijau dan pintar untuk inspirasi negara,” kata Dato’ Ir. Jaseni.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



21.11.2019 : "Green Pinang Awards Ceremony 2019"  
"PENANG GREEN OFFICE" AWARDS FOR PBAPP